

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	PERINGATAN AKHIR HENTIKAN TABIAT BUNAG SAMPAH DI TEMPAT AWAM
	SUMBER	BH (29 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

14

Nasional

Isnin, 29 Disember 2025 BH

Peringatan akhir hentikan tabiat buang sampah di tempat awam

Denda RM2,000, wajib jalani kerja pembersihan awam 12 jam

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengeluarkan peringatan akhir susulan perintah khidmat masyarakat bakal berkuat kuasa mulai 1 Januari depan sebagai sebahagian daripada penguatkuasaan lebih tegas terhadap tabiat membuang

sampah di tempat awam. Menteriinya, Nga Kor Ming, berkata pegawai penguat kuasa sudah diarahkan untuk melaksanakan undang-undang baharu itu bertujuan memperkukuh kebersihan awam serta tanggungjawab sivik.

"Sesiapa sahaja, termasuk warga asing yang membuang sampah di tempat awam akan didenda RM2,000 dan wajib menjalani kerja pembersihan awam selama 12 jam," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Pada 25 Disember lalu, Kor Ming menegaskan kebersihan bandar menjadi tanggungjawab bersama dan bukan tugas kerajaan atau pihak berkuasa

tempatan semata-mata, selain menyuarakan kekecewaan kerana masih terdapat segelintir pihak yang membuang sampah, khususnya di pusat bandar dan kawasan awam.

"Malaysia sedang menuju ke arah negara maju dan akan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia 2026, sikap tidak bertanggungjawab seperti ini mencemarkan imej bandar serta reputasi negara secara keseluruhan, termasuk dalam kalangan pelancong," katanya.

Kerjasama orang ramai

Beliau berkata, Kementerian menerusi Perbadanan Penguurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) komited menjalankan kerja pembersihan dan penguatkuasaan berterusan, namun kejayaan usaha itu bergantung kepada kesedaran serta kerjasama orang ramai.

Kor Ming menggesa semua pihak supaya lebih bertanggungjawab apabila berada di kawasan awam sama-



Sikap tidak bertanggungjawab mencemarkan imej bandar serta reputasi negara secara keseluruhan. (Foto hiasan)

sa menyertai sebarang acara perayaan atau aktiviti, dengan membuang sampah ke dalam tong sampah serta mematuhi undang-undang bagi memastikan bandar yang bersih, selesa dan teratur untuk semua.

"Bandar yang bersih mencer-

minkan masyarakat yang berbudaya.

"Marilah kita menyokong usaha SWCorp dan PBT dalam memastikan bandar kita lebih bersih, mampan dan boleh didiami untuk generasi akan datang," katanya. BERNAMA

Pegawai penguat kuasa sudah diarahkan untuk melaksanakan undang-undang baharu itu bertujuan memperkukuh kebersihan awam serta tanggungjawab sivik



Nga Kor Ming,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

2.	TAJUK	GENG PLASTIK IJA KUTIP 166KG SAMPAH 'ASING' DI PANTAI KEKABU
	SUMBER	BH (29 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

Geng Plastik Ija kutip 166kg sampah 'asing' di Pantai Kekabu

Marang: Kumpulan sukarelawan, Geng Plastik Ija (GPI) berjaya mengumpul 166 kilogram (kg) sampah hanyut, terutama sampah 'asing' di sepanjang Pantai Kekabu, dekat sini, semalam.

Ketua GPI Daerah Marang, Rahim Embong, berkata sampah berkenaan dikutip dalam tempoh dua jam dan paling banyak adalah botol plastik.

Katanya, aktiviti pembersihan pantai itu disertai 25 sukarelawan terdiri daripada ahli GPI, pekerja pembersihan Majlis Daerah Marang (MDM) dan komuniti setempat melalui program Plogging Santai Pulau Kekabu.


Musim Monsun Timur Laut (MTL) biasanya akan membawa banyak sampah hanyut dan ada juga dari negara luar hingga mencemarkan pantai di sepanjang negeri ini.

"Kita jumpa banyak sampah asing dari negara luar, terutama botol yang boleh dikenal pasti melalui jenama dan tulisan tertera. Sukarelawan digerakkan untuk bersihkan pantai ini kerana ada lambakan terutama sampah asing cemar pemandangan dan imej pelancongan negeri," katanya.

Sampah yang dikumpul dibawa ke pusat pelupusan oleh pekerja MDM, manakala botol plastik dihantar ke pusat kitar semula di Kampung Undang, dekat sini.

Katanya, program bertujuan mengekalkan kebersihan pantai selain mendidik masyarakat supaya sentiasa menjaga kebersihan.

"Program ini kita anjurkan secara berkala, iaitu sejak GPI Marang ditubuhkan pada 2019. Fokus utama pembersihan pantai dan antara lokasi terbahit termasuk Pantai Rhu Bendang, Rhu Renggeh, Jambu Bongkok, Rhu Dua, Basila dan Pantai Angin Berbisik," katanya.



3.	TAJUK	IKLIM DUNIA MAKIN PARAH
	SUMBER	HARIAN METRO (29 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (LOKAL)

IKLIM DUNIA MAKIN PARAH

Kuala Lumpur: Tahun 2025 menyaksikan kemusnahan besar iklim global, disebabkan gelombang haba melampau, kebakaran hutan, taufan dahsyat serta banjir besar di pelbagai rantau seluruh dunia.

Menurut Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO), haba melampau menjejaskan jutaan penduduk di seluruh dunia, sekali gus menonjolkan kepentingan sistem amaran awal dan pelan tindakan kesihatan berkaitan haba.

Gelombang haba dilaporkan di Amerika Utara sehingga mencetuskan bencana kebakaran hutan, termasuk di Eropah serta banyak kawasan di Asia hingga menimbulkan risiko kesihatan serius.

Julai 2025 direkodkan sebagai Julai ketiga paling panas di dunia selepas Julai 2023 dan 2024, berdasarkan data Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus Kesatuan Eropah.

"Cuaca dan iklim melampau hingga Ogos 2025 beri kesan besar apabila kesan berganda merosakkan tanaman, menjejaskan sumber kehidupan, memburukkan lagi kadar kemiskinan serta menyumbang kepada perpindahan penduduk di pelbagai wilayah," menurut laporan WMO mengenai keadaan iklim global.

Jepun mencatat suhu tertinggi dengan 41.8 darjah Celsius di Isesaki pada 5 Ogos, termasuk banyak kawasan di China.

"Kebakaran hutan di California Januari mengorbankan 30 nyawa dan memaksa 260,000 penduduk berpindah, sekali gus mengakibatkan kerugian ekonomi terbesar pernah direkodkan bagi kebakaran hutan, dianggarkan AS\$40 bilion," menurut WMO.

Kesan paling teruk dilaporkan di Pakistan dengan 881 kematian akibat banjir setakat 2 September.

WMO menegaskan pemanasan lautan membawa kesan jangka panjang, termasuk kemerosotan ekosistem marin, kehilangan biodiversiti serta melemahkan peranan lautan sebagai penyerap karbon.

"Pemanasan dijangka berterusan dan ia perubahan yang tidak dapat dipulihkan dalam skala ratusan hingga ribuan tahun," menurut

WMO.

Laporan saintifik menunjukkan haba melampau di lautan menyumbang kepada pembentukan taufan serta kejadian banjir.

Taufan Ragasa melanda China, Filipina, Taiwan, Hong Kong dan Vietnam pada September dan dilaporkan sebagai siklon tropika terkuat di dunia bagi 2025.

Ragasa menyebabkan banjir, pemindahan penduduk, kecederaan, kematian serta kerugian ekonomi.

WMO menyatakan unjuran iklim global menunjukkan suhu dijangka kekal pada atau hampir paras rekod sepanjang lima tahun akan datang, sekali gus meningkatkan risiko iklim dan kesannya terhadap masyarakat, ekonomi serta pembangunan mampan.

Di bawah Perjanjian Paris, negara-negara bersejua mengekang peningkatan suhu purata global jangka panjang di bawah dua darjah Celsius berbanding tahap praindustri (1850-1900), serta berusaha menghadkan peningkatan kepada 1.5 darjah Celsius.

"Komuniti saintifik berulang kali memberi amaran pemanasan melebihi 1.5 darjah Celsius berisiko mencetuskan kesan perubahan iklim dan cuaca melampau yang jauh lebih buruk," menurut WMO.

Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-30, COP30 di Brazil pada November bagi menangani krisis iklim dan mencapai sasaran Perjanjian Paris.

Walaupun ada kemajuan di COP30, termasuk sasaran meningkatkan pembiayaan adaptasi kepada US\$120 bilion setahun, jumlah itu masih jauh daripada keperluan negara membangun.

Penyelidik Iklim, Alam Sekitar dan Tenaga, ISIS Malaysia Zayana Zaikariah berkata, persetujuan COP30 untuk menggandakan pembiayaan adaptasi menjelang 2035 juga tidak menjelaskan kaedah pengemبلengan dana.

"Ini menjadi kebimbangan kritikal bagi ekonomi membangun yang sedia berdepan kekangan fiskal.

"Bagi ASEAN dan dunia membangun, COP30 menawarkan kemajuan secara berperingkat, namun belum mencapai skala dan kepastian sokongan yang diperlukan," katanya.

Penyelidik Kanan Iklim, Alam Sekitar dan Tenaga ISIS, Kieran Li Nair berkata, COP kekal sebagai platform penting bagi tadbir urus iklim pelbagai hala.

"Ia kadangkala proses perlahan dan mengecewakan namun bagi sesetengah pihak, ini satu-satunya platform untuk suara mereka didengari di peringkat tertinggi," katanya.

Antara pencapaian penting COP30 termasuk keputusan mengenai mekanisme peralihan adil bagi meningkatkan bantuan teknikal, penubuhan kemudahan pembiayaan alam semula jadi dan hutan tropika dengan komitmen melebihi AS\$6.7 bilion serta penetapan 59 penunjuk bagi menilai adaptasi terhadap kesan iklim.

Di rantau ASEAN, Zayana menekankan keazaman politik negara anggota untuk menyelaras dan melaksanakan strategi menangani bencana iklim.

Menurut beliau, kelemahan utama bukan pada ketiadaan strategi, sebaliknya kekurangan penyelarasan operasi, memerlukan peralihan daripada tindak balas reaktif berasaskan negara kepada sistem serantau bersepadu.

Beliau berkata, Malaysia memainkan peranan sebagai penyelar dengan menyatukan pendirian ASEAN bagi COP30 dan menyelaras keutamaan serantau dengan agenda global menerusi beberapa mesyuarat peringkat menteri di negara ini.

Namun, kejayaan sebenar bergantung kepada keupayaan Malaysia melaksanakan dasar domestik secara berkesan serta mengekalkan komitmen kolektif negara ASEAN.

3.	TAJUK	SEKTOR AIR, TENAGA NEGARA CATATKAN KEJAYAAN SIGNIFIKAN
	SUMBER	BH (30 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (NASIONAL)

Selasa, 30 Disember 2025 

Sektor air, tenaga negara catatkan kejayaan signifikan

Pencapaian hasil kerjasama strategik pelbagai agensi berkaitan tingkat agenda negara mampan

Kuala Lumpur: Kerajaan MADANI melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) mencatatkan pencapaian signifikan dalam usaha memperkukuh sektor air dan tenaga negara bagi tempoh 2024 hingga 2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata pencapaian memberangsangkan itu dicapai hasil kerjasama strategik pelbagai agensi berkaitan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan penduduk, keselamatan infrastruktur serta agenda kemampanan negara.

Fadillah, yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata dalam sektor air, pelaksanaan Skim Pelabelan Kecekapan Produk Air (WEPLS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berjaya menjimatkan sehingga 85 peratus penggunaan air.

Beliau berkata Indah Water Consortium (IWK) merekodkan pengoperasian lebih 7,000 loji rawatan kumbahan dengan kadar pematuan effluen melebihi 97 peratus, selain melaksanakan program pengurusan lemak, minyak dan gris (FOG) serta penggunaan tenaga solar di loji rawatan kumbahan.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula melaksanakan 149 projek tebatan banjir memberi perlindungan kepada 1.77 juta penduduk, selain menjalankan pemuliharaan dan pembangunan sungai di seluruh negara," katanya.

Dalam kenyataan di media sosial, beliau turut disertakan dua infografik yang memperincikan pencapaian sektor air dan tenaga bagi tempoh tersebut.

Fadillah berkata Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) membangunkan 21 loji rawatan air berkapasiti 2,081 juta liter sehari, selain menyiapkan Projek Langkat 2 Fasa 1 berkapasiti 1,130 juta liter sehari dengan kos RM4.2 bilion.

Rekod kapasiti tenaga baharu
Bagi sektor tenaga, beliau berkata pencapaian utama memabitkan Suruhanjaya Tenaga (ST), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) dan MyPOWER, termasuk pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Pembaharuan Pasaran Elektrik Malaysia.

SEDA merekodkan kapasiti tenaga boleh baharu sebanyak 3,469.64 megawatt, manakala ST

melaksanakan Program Solar Skala Besar 5+ dengan kapasiti 1,975 megawatt serta mengeksport 50 megawatt elektrik hijau ke Singapura.

Prestasi sektor tenaga turut ditunjukkan melalui penurunan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDD) kepada 37.36 minit.

Di peringkat serantau, Fadillah berkata Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN ke-43 mencatatkan pencapaian penting menerusi pelancaran Pelan Tindakan ASEAN bagi Kerjasama Tenaga 2026-2035 serta pemeteraian beberapa perjanjian berkaitan Grid Tenaga ASEAN.

"Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh keselamatan air dan tenaga negara selaras dengan pelaksanaan AIR2040 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Usaha ini secara langsung menyokong agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta sasaran Pelepasan Karbon Sifar Bersih 2050 demi kesejahteraan negara dan generasi akan datang," katanya. BERNAMA

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula melaksanakan 149 projek tebatan banjir memberi perlindungan kepada 1.77 juta penduduk, selain pemuliharaan dan pembangunan sungai di seluruh negara



Fadillah Yusof,
Timbalan Perdana Menteri/Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air



4.	TAJUK	ELAK ANCAMAN ALAM SEKITAR : IMPORT SISA PLASTIK DIKAWAL KETAT
	SUMBER	BH (29 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (LOKAL)

ELAK ANCAMAN ALAM SEKITAR

Import sisa plastik dikawal ketat

Oleh Sei Ayu Kartika Amri, Muhaamad Hafis Nawawi dan Mahazura Abd Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengimportan sisa plastik ke Malaysia dikawal melalui rangka kerja perundangan dan mekanisme penguat kuasa yang ditetapkan bagi memastikan kemasukan bahan berkenaan tidak menjejaskan alam sekitar serta kesihatan awam.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, kawalan import sisa plastik dilaksanakan melalui dua peringkat utama iaitu perundangan tempatan dan perundangan antarabangsa.

Menurutnya, kawalan di peringkat domestik dilaksanakan mengikut Akta

Kastam 1967 serta Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2025 yang mewajibkan setiap pengimport sisa plastik mendapatkan kelulusan rasmi sebelum dibenarkan masuk ke negara ini.

"Pengimport sisa plastik hendaklah memperoleh *Certificate of Approval* (COA) daripada SIRIM Berhad seperti diperuntukkan dalam *Guidelines for Importation and Inspection of Waste Plastic*."

"Di peringkat antarabangsa, JAS berperanan sebagai Competent Authority (CA) di bawah Konvensyen Basel dan bertanggungjawab mengeluarkan kelulusan atau consent terhadap permohonan import sisa plastik selepas COA diperolehi melalui prosedur Prior Informed Consent (PIC)," katanya kepada Harian Metro.

Wan Abdul Latiff berkata, bagi memastikan sisa plastik yang diimport memenuhi kriteria ditetapkan, pemeriksaan pra-penghantaran dilaksanakan SIRIM Berhad atau *Foreign Inspection Body* (FIB) yang dilantik di pelabuhan luar negara.

"Setibanya di pelabuhan tempatan, pemeriksaan bersepadu dijalankan membabitkan SIRIM Berhad, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan bagi mengesahkan pematuhan terhadap spesifikasi, pembungkusan dan kandungan sisa plastik."

"Sebarang kehilangan pengimportan tertakluk kepada syarat ketat dan tindakan penguat kuasa boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran termasuk pengenaan kompaun oleh pihak berkuasa berkaitan."

"Kelulusan import atau COA boleh dibatalkan SIRIM Berhad dan arahan pemulangan semula kontena sisa plastik ke negara pengeksport akan dikeluarkan sekiranya berlaku ketidakpatuhan," katanya.

Belau berkata, pemakluman rasmi berhubung pemulangan semula sisa plastik akan dibuat kepada CA negara pengeksport oleh JAS selaku CA Negara Malaysia, selaras dengan obligasi di bawah Konvensyen Basel.

"JAS turut mengesahkan Malaysia mematuhi sepenuhnya garis panduan Konvensyen Basel dalam mengawal kemasukan sisa plastik import termasuk keperluan mendapatkan kelulusan sebelum sebarang pergerakan rentas sempadan dibenarkan."

"Sisa plastik yang diimport hanya dibenarkan diproses di kilang kitar semula yang disijilkan SIRIM Berhad, namun aktiviti pemprosesan berpotensi menghasilkan pencemaran udara, air serta buangan terjadual," katanya.

Justeru, katanya, kawalan terhadap operasi kilang kitar semula dilaksanakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan subsidiari termasuk Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, (Efluen Perindustrian) 2009 dan (Udara Bersih) 2014.

"Bermula 1 Julai lalu, pengimportan sisa plastik dikawal selia Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan tertakluk kepada keperluan COA selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) (Pindaan) 2025."

"JAS pula meneruskan kerjasama bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap undang-undang alam sekitar negara," katanya.

Laporan eksklusif Harian Metro sebelum ini mendedahkan, sindiket penyeludupan menggunakan taktik licik dengan membuat pengiklanan palsu dalam Borang Pengiklanan Kastam bagi melepasi pintu masuk negara.

Bagaimanapun, helah pengimport menyeludup masuk sisa plastik ke negara ini terbongkar apabila JKDM mengagalkan 50 cubaan penyeludupan sejak 2023 hingga 30 Jun lalu membabitkan hampir dua juta kilogram (kg) sisa plastik dengan nilai melebihi RM6.57 juta.

Kebanyakan kes dikesan menggunakan pengiklanan tidak tepat serta memani-polisi kod barangan bagi mengelakkan pemeriksaan terperinci.



PENGIMPORT sisa plastik perlu memperoleh *Certificate of Approval* (COA) daripada SIRIM Berhad.

5.	TAJUK	AKTA, PERATURAN BAHARU AKAN BERKUAT KUASA MULAI 2026
	SUMBER	BH (31 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NASIONAL)

Akta, peraturan baharu akan berkuat kuasa mulai 2026

RUU mencakupi bidang berkaitan kerakyatan, keselamatan digital, cukai dan persekitaran

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bermula tahun depan, beberapa akta dan peraturan baharu akan berkuat kuasa, susulan rang undang-undang (RUU) berkaitan yang diluluskan, selain penstrukturan peraturan sedia ada yang dilaksanakan pada tahun lalu dan tahun ini.

Ini mencakupi pelbagai bidang, termasuk berkaitan kerakyatan, keselamatan digital, keselamatan jalan raya, percutiaan dan persekitaran.

Antara yang paling penting ialah pelaksanaan pindaan Perlembagaan Persekutuan, berkaitan kewarganegaraan berkuat kuasa Jun atau Julai depan.

Ia memperuntuk hak sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan, dengan ibunya seorang warganegara ketika kelahiran itu, untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, berbanding hanya jika bapanya seorang warganegara ketika ini.

Pindaan itu bertujuan memperkuh prinsip keadilan, kesamarataan dan ketelusan dalam pemberian kewarganegaraan, sejajar dengan realiti semasa dan aspirasi negara.

Selain itu, bagi mendepani ancaman keselamatan siber yang semakin kompleks, Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 akan berkuat kuasa, bertujuan memperkuh keselamatan dalam talian melalui kawalan berbahaya serta menetapkan tanggungjawab penyedia perkhidmatan aplikasi, aplikasi kandungan serta rangkaian.

Mengikut akta berkenaan, kerajaan akan mengenakan larangan ke atas remaja berusia 16 tahun ke bawah membuka akaun media sosial, bertujuan mengesahkan jenayah siber rentas usia, termasuk melindungi kanak-kanak daripada pemangsa seksual.

Bermula 1 Januari juga, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menetapkan semua penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial yang mempunyai la-

pan juta atau lebih pengguna di Malaysia akan dianggap berdaftar sebagai pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kelas (ASP(C)).

MCMC sebelum ini, mewajibkan semua penyedia perkhidmatan berkenaan memohon lesen ASP(C) yang berkuat kuasa bermula 1 Januari 2025, bertujuan meningkatkan keselamatan dalam talian, melindungi pengguna dan memperkuh kawal selia ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet serta media sosial.

Sementara itu, melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 pada 1 Januari depan, orang ramai yang didapati bersalah membuang sampah di tempat awam berdepan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat hingga 12 jam dan denda hingga RM2,000, termasuk nelancong asing.

Undang-undang itu disifatkan bukan untuk menghukum, sebaliknya mendidik masyarakat dalam aspek pemeliharaan kebersihan dan mengubah sikap supaya tidak membuang sampah sewenang-wenangnya.

Bermula tahun depan juga, had usia bagi belia di Malaysia diturunkan kepada 30 tahun, berbanding 40 tahun ketika ini, selaras penguatkuasaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

Selain penetapan usia belia antara 15 dan 30 tahun itu, akta berkenaan juga menetapkan had usia ketua atau pemegang jawatan pertubuhan belia, iaitu antara 18 dan 30 tahun serta mengehendak tempoh ketua pertubuhan belia selama empat tahun saja.

Vape diharamkan

Susulan peningkatan kes kemudaratan kesihatan membabitkan penggunaan vape yang semakin membimbangkan, Malaysia komited untuk mengharamkan sepenuhnya penggunaan vape pada tahun depan, kemungkinan pada



KKM mencadangkan penggunaan vape diharamkan tahun depan.



Penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 pada Khamis ini mengenakan Perintah Khidmat Masyarakat hingga 12 jam dan denda hingga RM2,000, kepada orang awam, termasuk pelancong asing yang membuang sampah di tempat awam.



Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 akan mengenakan larangan ke atas remaja berusia 16 tahun ke bawah membuka akaun media sosial. (Foto hiasan)

pertengahan atau hujung tahun.

Penggunaan cecair vape yang dicemari bahan terlarang, seperti ganja sintetik, didapati berkait dengan kes psikosis akibat dadah dan masalah kesihatan mental yang serius.

Dalam aspek penguatkuasaan undang-undang jalan raya, Sis-

tem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang lebih ketat akan dilaksanakan pada separuh tahun kedua 2026.

Sistem itu, yang diperkenalkan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada 15 April 2017 menjalani rombakan besar-besaran pada

pertengahan tahun ini, selepas disifatkan gagal dan tidak berkesan, antaranya kerana hanya mengenakan pematoganan mata demerit selepas pesalah trafik melunaskan saman yang dikenakan terhadap mereka.

Sistem KEJARA yang diperbaharui itu akan diintegrasikan sepenuhnya dengan platform MySikap dan dihubungkan secara langsung dengan pembaharuan lesen memandu serta cukai jalan.

Selain itu, semua lebih 65,000 bas berdaftar di seluruh negara diwajibkan mematuhi garis panduan pengeluaran dokumen kerja dalam berkaitan pendawian elektrik tambahan dalam kenderaan motor.

Garis panduan itu dirangka sebagai langkah pencegahan susulan kejadian seorang remaja maut akibat terkena renjatan elektrik ketika mengecas telefon bimbit di soket dalam sebuah bas di Pulau Pinang, tahun lalu.

Dalam aspek percutiaan, fasa keempat e-Invois akan bermula pada 1 Januari, membabitkan perniagaan dengan jualan tahunan lebih RM1 juta hingga RM5 juta, manakala fasa kelima akan dilaksanakan bermula 1 Julai 2026, merangkumi perniagaan dengan jualan tahunan lebih RM500,000 hingga RM1 juta.

Selain itu, melalui pengumuman Belanjawan 2026, kerajaan akan menaikkan kadar duti setem ke atas pindah milik hartanah kediaman oleh warganegara asing dan syarikat milik asing kepada kadar rata lapan peratus, berbanding empat peratus sebelum ini, sebagai usaha proaktif kerajaan untuk mengawal pasaran hartanah dan memastikan akses pemilikan rumah kekal mampu milik bagi rakyat tempatan.

6.	TAJUK	OPS CEGAH DENDA 42 INDIVIDU BUANG SAMPAH
	SUMBER	BH (2 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	1 (MUKA DEPAN), 3 (NASIONAL)



Ops Cegah denda 42 individu buang sampah

40 individu dewasa dan dua kanak-kanak menjadi kumpulan pertama dikenakan tindakan mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang dikuatkuasakan 1 Januari 2026 memperuntukkan denda maksimum RM2,000 serta 12 jam khidmat masyarakat kerana membuang sampah kecil di tempat awam.

42 individu berdepan hukuman Akta 672 buang sampah kecil

Denda maksimum RM2,000 serta 12 jam khidmat masyarakat tinggalkan sisa di tempat awam

Oleh Saadiah Ismail
binnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 42 individu menjadi kumpulan pertama disiasat mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang memperuntukkan denda maksimum RM2,000 serta 12 jam khidmat masyarakat kerana membuang sampah kecil di tempat awam.

Individu terbabit, 40 membatik orang dewasa dan dua kes kanak-kanak, dikenakan Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) dalam Ops Cegah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), pada sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 malam kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Khalid Mohamed berkata 24 kes membatikkan warganegara manakala 18 kes warga asing.

Mereka dikesan membuang, menempatkan atau meninggalkan sisa seperti puntung rokok, botol air, tin minuman, plastik, tisu dan pembalut makanan di tempat dan jalan awam.

Beliau berkata semua individu terbabit akan disiasat serta dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

"Ops Cegah dilaksanakan semalam (malam kelmarin) sempena sambutan ambang Tahun Baharu 2026 di 11 lokasi tumpuan utama di negeri yang menerima pakai Akta 672.

"Tenguatkuasaan penuh terhadap kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam di bawah Seksyen 77A Akta 672 itu dilaksanakan bermula jam 12.01 pagi (semalam).

"Operasi membatikkan mobilitas anggota penguat kuasa seluruh negeri, pemhabitan pengurusan tertinggi SWCorp, kerjasama erat pihak berkuasa tempatan (PBT) serta 330 kakitangan syarikat konsesi yang bertanggungjawab memastikan kawasan terbabit kembali bersih dengan segera," katanya kepada BH, semalam.

Akta berkuat kuasa semalam

Bermula semalam, Akta 672 berkuat kuasa yang mana memperuntukkan denda sehingga RM2,000 dan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) selama 12 jam dengan had maksimum empat jam sehari sebagai hukuman tambahan bagi kesalahan membuang sampah kecil di tempat awam.

Khalid berkata, Ops Cegah bukan sekadar inisiatif bermusim sempena Tahun Baharu, sebaliknya akan diteruskan secara konsisten melalui pemantauan berterusan di peringkat negeri dan cawangan SWCorp.

"Ops Cegah ditamatkan jam 3 pagi (semalam) dan operasi susulan diteruskan pada pagi ini (semalam) bagi memastikan kebersihan kawasan awam sentiasa berada pada tahap optimum.

"Menerusi hukuman PKM, ia



Petugas SWCorp membersihkan sampah di kawasan Bukit Bintang selepas sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 di Kuala Lumpur, malam kelmarin. (Foto Hazi Anggara/BH)

secara tidak langsung dapat mendidik dan membentuk kesedaran sivik supaya pesalah lebih cakna, bertanggungjawab dan menginsaf kepentingan menjaga kebersihan persekitaran, sekali gus mengurangkan kecenderungan pengulangan kesalahan.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam kenyataan semalam berkata, sejak pagi petugasnya giat membersihkan kawasan sekitar Bukit Bintang di mana sambutan tahun baharu dan pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 diadakan.

Kerjasama itu memupuk kepada aktiviti mengutip sisa sampah, mencuci permukaan jalan, membersihkan laluan pejalan kaki serta kawasan tumpuan pengunjung.



Sampah dibuang merata-rata di kaki lima sekitar Lebah Pudu, Kuala Lumpur. (Foto Alaudin Saad/BH)

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**